

03 MAR 1999

SAMBUTAN HARI PEKERJA PADA 22 MEI

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Sambutan Hari Pekerja bagi tahun ini akan diadakan pada 22 Mei di Stadium Putra, Bukit Jalil, menurut kenyataan Kementerian Sumber Manusia hari ini.

Sambutan itu yang akan dibiayai oleh kerajaan dan sektor swasta dijangka disertai kira-kira 12,000 pekerja daripada pelbagai agensi.

Kenyataan itu juga menyebut tema sambutan tahun ini menekankan kepentingan perpaduan tiga pihak iaitu kerajaan, majikan dan pekerja bagi membantu memulihkan ekonomi negara.

Aturcara yang dijadualkan pada hari itu termasuk penyampaian 13 anugerah kepada pekerja dan majikan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menyampaikan amanat khas Hari Pekerja pada perhimpunan itu.

-- BERNAMA

NM AKD